

Majikan diseru galakan seni 13 OCT 1984 silat

JERTIH, Jumaat — Timbalan Menteri Buruh, Datuk Haji Zakaria Abdul Rahman, menyeru majikan dan pelbagai institusi di negara ini menggalakkan kegiatan seni silat Melayu di tempat kerja mereka, seperti lain-lain bidang seni budaya. *PINLAE SILAT*

Katanya, majikan patut membantu dan menggalakkan pekerja mereka dengan menubuhkan pasukan seni silat secara sukarela untuk mengekalkan kesenian bangsa itu terus berkembang. **B. Harlan (M)**

"Saya yakin melalui usaha seumpama itu ia akan memberi hasil yang baik, sekurang-kurangnya mengeratkan lagi hubungan ke-mesraan sesama pekerja dan memupuk kerjasama antara pekerja dan majikan," katanya.

Berucap di majlis 'Pesta Silat Peringkat Daerah Besut' di gelanggang silat Kampung Pak Demalik, dekat sini petang semalam, beliau berkata latihan seni silat boleh melahirkan golongan pekerja yang lebih sihat, cekap dan berdisiplin.

Katanya, seni silat Melayu adalah warisan dan kemegahan bangsa sejak turun-temurun. Ia telah menjadi amalan hampir keseluruhan bangsa Melayu di satu ketika dahulu, tetapi seni itu sekarang makin kurang diceburi.

"Di samping menekankan kelincahan dan kepantasan anggota, seni silat juga mengandungi nilai falsafah dan pengajaran yang tinggi mutunya yang merangkumi hampir keseluruhan bidang kehidupan," ujar beliau.

Datuk Haji Zakaria yakin, walaupun ketika ini kita sedang menghadapi cabaran teknologi dan pemodenan, namun beberapa nilai dan falsafah silat berguna untuk bertindak sebagai benteng pertahanan sekiranya diamalkan dengan betul.

Timbalan Menteri itu dukacita kerana golongan belia sekarang tidak lagi berminat mempelajari seni itu, sebaliknya mereka mengagungkan kebudayaan luar seperti 'break-dance' yang tidak bernilai.